

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 22 July 1971 > Page 6 > Bersedia-kah PAKAT menghadapi chabaran dari masyarakat?

Bersedia-kah PAKAT menghadapi chabaran dari masyarakat?

Berita Harian, 22 July 1971, Page 6

Article also available on Microfilm Reel NL6788

★ Add to Citation

[Previous Article](#)[Next Article](#)[Previous Page](#)[Next Page](#)

Bersedia-kah PAKAT menghadapi chabaran dari masyarakat?

MEMANG hebat, pada fikiran saya sa-belum melangkah kaki memasoki Dewan Al-Malik Faisal, Lorong 12, pada 4 Julai lalu dan ini membuat hati saya berdebar.

Saya mempunyai tanggapan bahawa sudah tentu nanti pada penubuhan 'PAKAT' akan muncul 'tokoh2' seni-budayawan yang berkeliber untok menjadi tenaga penggerak atau 'dahan' bagi menampung kesemua chabang2-nya.

Di-negara kita belum ada suatu badan yang khusus menghimpun semua kegiatan2 seni/karyawan mencakup baik bagi sa-orang dengan hasil2 chiptaan seni-nya dengan pihak2 yang tertentu dari kalangan penerbit2 ranchangan di-radio dan TV juga hingga kapada redaksi2 akhbar dan majallah, dan dari pihak2 yang mempunyai mass-media yang lain-nya.

Bersedia-kah menghadapi chabaran dari masyarakat?

Information



Newspaper:
Berita Harian

Date:
22 July 1971

Reel Number:
NL6788

Share

Table of Contents

[Previous](#) | **Page 6** | [Next](#)

Masa'alah kema'moran

Masa'alah kema'moran p E R T U M BOHAN ekonomi yang pesat di-Singapura sekarang ten tv lah memberi

Bahaya letrik

Bahaya letrik UAHAYA maut yang tidak di-sengaja-kan kadang2 berlaku lebeh banyak dan memakan korban

Chara yang mudah menarek pelanchong: Berbudi bahasa

Chara yang mudah menarek pelanchong: Berbudi bahasa PENULIS KHAS: S'pura, Rabu JUSAHA

Bersedia-kah PAKAT

[View Full Table of Contents](#)

persoalan penubohan 'PAKAT' memang bukan persoalan yang baru tapi di-'perbaru' lantaran telah berlangsung peristiwa dallog penulis2 dengan para penerbit rancangan RTS.



Oleh kerana berlarutan dallog, maka 'PAKAT' (yang mula2-nya di-ura2kan penubohan-nya) telah di-bawa masuk dalam suatu suasana dimana 'persoalan' yang di-hadapi oleh para penulis dapat di-atasi atau 'PAKAT' sa-bagai tempat menyalorkan karya2 penulis/hasil chiptaan seni dengan chara yang lebeh terjamin.

Dalam konteks ini kita punya tanggapan2 yang berbe2 dan pandangan luas sempit-nya.

Ini di-sandarkan dari penguchapan tokoh2 RTS sa-bagai penaja sa-belum meshuarat agong di-langsungkan.

Sa-bagai presiden sementara Enche Zain Mahmud, menekankan 'genta perasaan'-nya, bahawa beliau lebeh cho-

chok agar lunas kegiatan dapat di-kechilkan.

Ini memandangkan respon dari ahli2 yang pakar dalam bidang2 tertentu.

Atau penerangan singkat yang di-buat oleh Enche Ab. Ghani Suratman yang menyarankan agar 'PAKAT' harus berbentok sa-bagaimana yang terchatat di-perlembagaan dan menghindarkan kegiatan2 yang duplikasi dengan badan2 yang lain.

Approach kedua tokoh itu memang menarek hati sa-kali terutama bagi karyawan2 tempatan (apa-kah mereka itu sa-orang pelakun, pelukis, penyaer, penyanyi dsb.).



Memang, pada akhirnya PAKAT bernafsu besar sa-kali dan optimis untuk menyatakan bahawa ini-lah satu2-nya perkumpulan/badan yang berunsor kesenian yang menchakup seluroh-nya terhadap kegiatan2 seni di-tanah ayer.

Saya teringat kepada Dewan Kesenian Djakarta yang berfungsi untuk menvelaraskan dan me-

ngintensifkan kegiatan2 kesenian dan sempat sa-ya ketemu dengan salah sa-orang anggota-nya ia itu Penyaer Dr. Taufiq Ismail serta berbincang tentang kegiatan2 kesenian di-Indonesia.

Antara lain beliau me-nealukan penubohan PAKAT.

Kita merujuk kembali kapada tujuan yang terchatat di-perlembagaan, apa-kah dapat di-chapai oleh PAKAT, kerana PAKAT selain memerlukan orang2 yang pintar dalam pentadbiran juga memerlukan pakar2 dalam bidang2 tertentu yang terdiri dari para karyawan2 itu sendiri.

Malah ini-lah yang penting.

Saya tidak mempunyai niat untok memperkechilkan orang yang du-

dok dalam jawatankuasa pentadbir tidak berkelayakan/tidak pakar, tidak sama sekali.

Tapi karyawan2 dari penyaer2, pelukis2, nobelis2 atau pada umum-nya para sasterawan dan budayawan.

Oleh kerana respon yang dingin dari karyawan2 yang mewakili bidang2 tersendiri yang membuat Enche Zain Mahmud menyatakan perasaan dukachita dan menyarankan agar PAKAT 'memperkechilkan' saja bidang atau sekop aktibit-nya.

Kita juga barangkali sedar bahawa kota Singapura ini memang bukan kota kebudayaan, tidak saperti kota Paris atau Pulau Bali, di-mana kebudayaan/kesenian hidup subur.

Namun inspirasi atau chiptaan2 kreasi itu boleh terchetus, dan terlahir, boleh berlaku di-mana kita bernafas.



Chuma yang menjadi persoalan ia-lah menyampaikan saja ka-tengah2 kehidupan masyarakat.

Ini pun dapat terlaksana jika ada motif2 yang baik serta tulus dan gembelangan tenaga guna mewujudkan sa-buah pakatan yang kita kenal dengan kegiatan2 kesenian kebudayaannya.

Walhal kalau kita perhitungkan, tolak dan champor-nya memang wajar kita akan dapati kesulitan2 ini ada-lah



tradisi tapi bagi jawatankuasa pentadbir ini adalah challenge daripada zaman dan masyarakat.

Masyarakat akan membuka mata sekiranya kewujudan PAKAT menonjol dengan chahaya yang melalui relang remang lorong2 kesenian/kebudayaan dengan hanya mempunyai potensi yang sedemikian kecil. — **DJAMAL TUKIMAN** Singapura.



Related Articles



S-USaha Agong PAKAT, Ahli J-kuasa meletak jawatan

Berita Harian 22 July 1971

S-USaha Agong PAKAT, Ahli J-kuasa meletak jawatan CINGAPURA, Rabu.—

Pelukis2 Melayu tidak lagi perlu bimbang untok pameran lukisan2 mereka

Berita Harian 10 October 1971

Pelukis2 Melayu tidak lagi perlu bimbang untok pameran lukisan2 mereka S...

A. Ghani chuba jengok 'rumah tangga' orang lain

Berita Harian 7 May 1972

A. Ghani chuba jengok 'rumah tangga' orang lain Djamil Tukimin (SUDUT...